



26 Julai 2013  
26 July 2013  
P.U. (B) 318

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

*DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

## PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 5

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358], Menteri Kewangan mewakilkan kuasanya di bawah perenggan 17(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] berkenaan dengan amaun hasil dan hutang yang tidak boleh didapatkan kembali kepada Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri, tertakluk kepada syarat dan sekatan yang berikut:

- (a) kuasa yang diwakilkan hanya boleh dijalankan berkenaan dengan amaun hasil atau hutang yang tidak boleh didapatkan kembali yang tidak lebih daripada dua puluh lima ribu ringgit dalam mana-mana satu akaun;
- (b) kuasa yang diwakilkan tidak boleh diwakilkan semula kepada mana-mana pegawai lain;
- (c) tiada apa-apa amaun hasil atau hutang boleh ditinggalkan selagi ada kemungkinan, tidak kira bagaimana tipis sekalipun, boleh mendapat apa-apa pembayaran;
- (d) tatacara penilaian yang dinyatakan dalam Lampiran L Arahan Perbendaharaan No. 328(a) hendaklah diikuti dengan betul;
- (e) tidak ada soal pencurian, fraud atau kecuaiian pegawai awam berhubung dengan amaun hasil atau hutang yang tidak boleh didapatkan kembali yang akan ditinggalkan;
- (f) suatu laporan mengenai amaun hasil atau hutang yang ditinggalkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan dengan salinan kepada Ketua Audit Negara atau wakil tempatannya; dan

- (g) Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari semasa ke semasa.

**Permulaan kuat kuasa**

2. Perwakilan kuasa ini mula berkuat kuasa pada 26 Julai 2013.

Bertarikh 4 Julai 2013

[KK/BPKS(S)/10/800-8/1/1]LD.3(5); PN(PU2)183/X]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*

## DELEGATION OF POWERS ACT 1956

## DELEGATION OF POWERS UNDER SECTION 5

IN exercise of the powers conferred by section 5 of the Delegation of Powers Act 1956 [Act 358], the Minister of Finance delegates his powers under paragraph 17(b) of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61] in respect of irrecoverable amounts of revenue and debts, to the Senior Deputy Secretary General, Prime Minister's Department, subject to the following conditions and restrictions:

- (a) the delegated powers shall only be exercised in respect of irrecoverable amounts of revenue or debts which do not exceed twenty five thousand ringgit in any one account;
- (b) the delegated powers shall not be re-delegated to any other officer;
- (c) no amounts of revenue or debts shall be abandoned so long as there is possibility, however remote, of obtaining some payment;
- (d) the evaluation procedure specified in Appendix L of the Treasury Instruction No. 328(a) shall be strictly followed;
- (e) there is no question of theft, fraud or negligence of a public officer in relation to the irrecoverable amounts of revenue or debts to be abandoned;
- (f) a report on the abandoned amounts of revenue or debts shall be sent to the Treasury with a copy to the Auditor General or his local representative; and
- (g) the Senior Deputy Secretary General of the Prime Minister's Department shall comply with such instructions as may be issued by the Treasury from time to time.

**Commencement**

2. This delegation of power comes into operation on 26 July 2013.

Dated 4 July 2013

[KK/BPKS(S)/10/800-8/1/1]LD.3(5); PN(PU2)183/X]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH  
*Second Minister of Finance*